

# FATWA AJARAN SESAT DARI SUDUT UNDANG-UNDANG DAN CABARAN PEMBANTERASANNYA DI MALAYSIA

Ahmad Hidayat Buang



## ABSTRACT

*Deviant teaching is one of the most important subjects in the issuance of fatwa in Malaysia. Despite the fact that the subject is not much related to fiqh, most of the fatwa issued officially in state gazette was on deviant teaching. Once a particular teaching is considered deviant through fatwa, the state agency, especially the Islamic religious department will take necessary steps to enforce the fatwa by prosecuting individuals involved. It has been noted by many that prosecution of offenders under this category was difficult due to administrative and procedural issues especially matter of evidence. It is therefore the aim of this article to discuss some aspects of fatwa on deviant teaching and issues related to its enforcement in Malaysia. The article will also discuss briefly some introduction on subject of fatwa and provide some development on the enforcement of deviant teachings in Malaysia.*

## ABSTRAK

“Ajaran sesat merupakan satu tajuk penting dalam pengeluaran fatwa di Malaysia. Sungguhpun tajuk ini tidak menyentuh aspek hukum fiqh, kebanyakan fatwa rasmi seperti yang terkandung dalam warta kerajaan adalah menyentuh ajaran sesat. Apabila sesuatu ajaran itu dianggap sesat melalui fatwa, agensi kerajaan yang berkaitan terutamanya Jabatan Agama Islam akan mengambil langkah-langkah untuk menguatkuasakan fatwa berkenaan melalui pendakwaan

terhadap individu yang terlibat dengan ajaran berkenaan. Ramai pihak beranggapan bahawa tindakan pendakwaan dalam kategori kesalahan ini agak sukar untuk disabitkan memandangkan kesukaran dalam masalah pembuktian dan prosedur. Tujuan artikel ini adalah untuk membincangkan beberapa aspek dan isu fatwa mengenai ajaran sesat yang berkaitan dengan penguatkuasaan di Malaysia. Artikel ini juga akan menerangkan secara ringkas pendahuluan mengenai fatwa dan perkembangan mengenai penguatkuasaan fatwa ajaran sesat di Malaysia.”

## PENDAHULUAN

Antara masalah yang sering dibangkitkan dalam penguatkuasaan undang-undang pentadbiran Islam di Malaysia ialah tindakan undang-undang ke atas penyebar dan pengamal ajaran sesat. Dalam banyak keadaan, mereka yang terlibat dalam ajaran sesat ini agak sukar untuk disabitkan dengan kesalahan yang dilakukan, sungguhpun kes berkenaan mendapat liputan meluas pihak media seperti kes ajaran Ayah Pin di Terengganu dan ajaran Rasul Melayu di Selangor. Dari segi pentadbiran perundangan Islam di Malaysia, sesuatu ajaran itu dikatakan sesat apabila terdapat fatwa rasmi yang disiarkan dalam warta kerajaan menyatakan ajaran itu sesat. Oleh yang demikian dari segi pentadbirannya sesuatu ajaran sesat itu hanya boleh diambil tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa negeri apabila terdapat fatwa rasmi yang melarang penyebaran ajaran itu. Tujuan artikel ini adalah untuk membuat analisis hubungan antara fatwa dengan ajaran sesat di Malaysia dan bagaimana tindakan undang-undang diambil kesan daripada fatwa tersebut. Artikel ini juga akan cuba untuk memberi beberapa cadangan dari segi pelaksanaan tindakan pendakwaan kepada pengamal dan penyebar ajaran sesat berkenaan.

## FATWA MENGIKUT HUKUM SYARAK

Ada sarjana berpandangan bahawa fatwa perlu dikhatusukan kepada masalah fiqh sahaja kerana tempat fatwa atau ijтиhad adalah masalah yang tidak ada nas. Masalah akidah tidak perlu ijтиhad atau fatwa kerana ia bukan tempat ijтиhad atau fatwa. Namun begitu makna fatwa secara umumnya juga meliputi hukum-hukum akidah. Ini adalah kerana

makna fatwa secara istilahnya ialah iaitu penerangan kepada hukum Syarak. Menurut al-Hattab pengarang *Mawahib Syarh Mukhtasar Khalil*, *fatwa* atau *ifta'* bermaksud penerangan hukum Syarak bukan secara wajib untuk diikuti<sup>1</sup>. Makna hukum Syarak di sini termasuk juga perkara-perkara yang berkaitan akidah. Oleh yang demikian fatwa dalam perkara akidah juga dibolehkan sebagai penerangan kepada akidah yang betul sebagaimana fatwa Ibn Taymiyyah dalam masalah khurafat dan fatwa Muhammad Abdur Rasyid Rida dalam masalah-masalah kepercayaan umat Islam. Tambahan pula fatwa di Malaysia mempunyai kuatkuasa undang-undang yang berbeza dengan maksud fatwa dalam hukum Syarak. Begitu juga mengenai maksud siapakah Mufti, terdapat perbezaan di antara fiqh dan amalan perundangan Malaysia. Mengikut al-Badakhshi harus seorang mujtahid dan *muqallid* kepada imam mujtahid yang masih hidup (*muqallid al-hayy*) memberi fatwa<sup>2</sup>. Berasaskan kepada perbincangan seperti di atas, Ibn al-Qayyim berpendapat bahawa Mufti itu terdapat empat peringkat<sup>3</sup> iaitu:

1. Faham kepada al-Quran, al-Sunnah dan perkataan sahabat-sahabat Rasulullah – mereka ini Mujtahid pada hukum-hukum *nawazil*.
2. Mujtahid *muqayyad* dalam mazhab tetapi menyempurnakan kekurangan mazhab, tidak bertaqlid kepada Imam mazhab tetapi menggunakan usul fatwa Imam.
3. Mujtahid mazhab mengetahui dalil syarak dan berkeupayaan berijtihad tetapi tidak mahu menyalahi pandangan Imam mazhab.
4. *Tafaqquh* dalam mazhab dan menghafaz fatwa-fatwa Imam dan mengaku bertaqlid kepada Imam mazhab dan meninggalkan fatwa sahabat jika bersalahan dengan fatwa Imam.

Pandangan ini diringkaskan oleh Sheikh Wahbah Zuhayli yang menyatakan terdapat dua peringkat Mufti iaitu:

1. Mufti *Tasahul* iaitu seorang *muqallid* yang mengetahui mazhab imam – dia bertindak memindah maklumat yang terdapat dalam kitab-kitab imam kepada peminta fatwa – *mustafti*.

<sup>1</sup> Dipetik dari al-Majlis al-A'la li al-Shu'un al-Islamiyyah, *Mawsu'at al-Fiqh al-Islami*, Wizarah al-Awqaf, 1986, h.238.

<sup>2</sup> al-Badakhshi (1984). *Manahij al-'Uqul Sharh al-Asnawi Minhaj al-Wusul fi 'Ilm al-Usul li al-Qadi al-Baydawi*, Juzuk 3, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal.287.

<sup>3</sup> Jamaluddin al-Qasimi, *Kitab al-Fatwa fi al-Islam*, Beirut, t.t. hal.10.

2. Mufti yang memahami dasar-dasar mazhab dan bertindak *mentakhrij* mazhab imam. Sebagai contoh terdapat dua riwayat dalam mazhab dalam suatu masalah *furu'*. Riwayat-riwayat ini ditakhrij oleh Mufti ini bagi mengeluarkan pandangan yang *asah*.

## FATWA MENGIKUT UNDANG-UNDANG DAN KESANNYA

Kesimpulan dari semua peruntukan undang-undang di Malaysia fatwa boleh diertikan sebagai: "pernyataan Mufti yang disiarkan dalam warta"<sup>4</sup>. Selain dari makna ini, pandangan seorang yang alim tidak dianggap fatwa sungguhpun dari segi amalannya terdapat dua lagi bentuk fatwa iaitu:

1. Fatwa dalam mesyuarat
2. Fatwa dalam bentuk soal jawab agama

Fatwa dalam warta dan mesyuarat juga dikenali sebagai fatwa rasmi. Di Pulau Pinang pandangan mufti secara bertulis dalam mahkamah dianggap fatwa<sup>5</sup>. Kesan makna fatwa seperti di atas adalah seperti berikut:

1. Mengetatkan maksud fatwa jika dibandingkan dengan maksud di dalam Syariah – iaitu sesiapa sahaja yang layak boleh memberi fatwa.
2. Boleh dibatalkan, dipinda dan diubah jika perlu. Ini mungkin tidak selaras dengan hukum asal kerana fatwa tidak boleh dibatalkan berdasarkan kepada kaedah fiqhiiyah *al-ijtihad la yunqadu bi al-ijtihad*.
3. Fatwa dalam bentuk warta boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang sedangkan fatwa dalam Syarak hanya pilihan (walaupun ada ulama mewajibkan fatwa diikuti). Kata Syeikh Ali Hasballah apabila seorang *ammi* (orang awam) mendapati seorang mujtahid yang dipercayai kerana keadilannya maka tidak harus ia mencari mujtahid yang lain<sup>6</sup>.

<sup>4</sup> Lihat sebagai contoh seksyen 2(34) Akta 505 yang memperuntukkan: "Tiada pernyataan yang dibuat oleh Mufti boleh dianggap sebagai fatwa melainkan jika dan sehingga pernyataan itu disiarkan dalam warta".

<sup>5</sup> Seksyen 5(4)(36) Enakmen Bil.1993/7, Pulau Pinang. Lihat juga kes *Isa Abdul Rahman & lain-lain v. MAIPP* 5 [1997] Jurnal Syariah (1) 125.

<sup>6</sup> Ali Hasballah (1964). *Usul al-Tashri' al-Islami*, cetakan ketiga, Mesir: Dar al-Ma'arif, hal.88.

Terdapat prosedur khusus bagaimana fatwa dikeluarkan di Malaysia. Terdapat tiga cara utama bagaimana fatwa diterbitkan.

1. Permohonan daripada pihak-pihak berkenaan sama ada orang ramai, pertubuhan dan kerajaan sendiri, sama ada datang sendiri, menulis surat atau melalui telefon. Pada masa kini cara internet juga telah digunakan oleh sesetengah Jabatan Mufti.
2. Arahan pihak atasan terutama larangan terhadap masalah yang menyentuh kepentingan umum.
3. Dengan inisiatif jabatan Mufti atau Mufti sendiri.

Kajian mendapati kebanyakan fatwa diputuskan berdasarkan permohonan dan jarang sekali dengan inisiatif sendiri. Namun begitu undang-undang pentadbiran Islam melarang Mufti disaman ke Mahkamah untuk memberi fatwa<sup>7</sup>. Mengikut amalan, fatwa akan hanya dijawab atau dikeluarkan sekiranya terdapat kepentingan awam – oleh itu tidak semua soalan perlu dijawab oleh Mufti. Fatwa di Malaysia dalam masalah kepentingan awam diputuskan secara jamaah atau apa yang dikenali sebagai *fatwa jama'i*. Dalam hubungan ini, undang-undang memperuntukkan supaya satu jawatankuasa fatwa ditubuhkan bagi membantu Mufti memberikan fatwa<sup>8</sup>. Oleh yang demikian *fatwa jama'i* merupakan satu keperluan undang-undang di Malaysia.

Mengikut undang-undang, sesuatu fatwa yang hendak dikeluarkan itu mestilah berasaskan kepada *qawl mu'tamad* dalam mazhab Shafi'i kecuali di Perlis<sup>9</sup>. Jika tidak terdapat *qawl* dalam mazhab Syafi'i *qawl-qawl* dalam mazhab lain boleh digunakan setelah mendapat perkenan Tuanku Raja atau Sultan dan terdapat kepentingan umum<sup>10</sup>. Mufti boleh juga menggunakan ijтиhad sendiri sekiranya terdapat kepentingan umum – setakat ini belum diketahui sama ada Mufti di Malaysia ada yang telah berijтиhad.

Terdapat sarjana yang mencadangkan supaya dalam memutuskan sesuatu fatwa itu rujukan harus dibuat kepada al-Quran, al-Sunnah, dasar-dasar Usul al-Fiqh dan *Maqasid Syari'ah* dan fatwa-fatwa

<sup>7</sup> Seksyen 38 Akta 505.

<sup>8</sup> Sebagai contoh seksyen 37(1-6) Akta 505.

<sup>9</sup> Sebagai contoh seksyen 39 (1 Akta 505. Untuk perbincangan lebih lanjut lihat Ahmad Mohamad Ibrahim, *Acara Mufti Membuat Fatwa* dalam Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid (ed.), *Mufti dan Fatwa di Negara-negara ASEAN*, Cetakan Pertama 1998, Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu, 1998, h. 98.

<sup>10</sup> Ahmad Mohamad Ibrahim (1998), *ibid*, h.96.

ulama luar negara di samping *qawl* mazhab Syafi'i. Mengikut kajian sungguhpun mazhab Syafi'i perlu diikuti, namun rujukan tidak pula dibuat kepada kitab-kitab Syafi'i. Bahkan didapati di mana kebanyakan mufti termasuk juga ahli jawatankuasa fatwa merujuk kepada kitab-kitab moden terutamanya al-Zuhayli dan al-Qaradawi<sup>11</sup>. Namun begitu ini bukan masalah besar, tetapi harus diingat bahawa ada pandangan ulama moden ini mungkin tidak selaras dengan pandangan mazhab Syafi'i. Masalah lain yang selalu ditimbulkan ialah fatwa-fatwa yang dikeluarkan tidak disertakan dengan dalil-dalil atau alasan. Ataupun jika terdapat alasan dibuat dengan tidak sempurna<sup>12</sup>.

Fatwa-fatwa yang diterima oleh Jabatan Mufti akan dinilai seperti berikut:

1. Jika mudah dan tidak menyentuh apa-apa kepentingan awam akan dijawab terus sama ada oleh Mufti atau pembantunya.
2. Jika rumit dan menyentuh masalah awam akan di bawa ke mesyuarat Jawatankuasa Fatwa untuk perbincangan.

Jika sesuatu persoalan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa, Mufti boleh mengarahkan kakitangannya membuat penyelidikan atau menyediakan kertas kerja. Dalam konteks ajaran sesat siasatan dibuat oleh pihak-pihak lain seperti Jabatan Agama Islam, polis, penguatkuasa dan sebagainya.

Jika perkara tersebut melibatkan soalan-soalan teknikal seperti perubatan atau ekonomi, pakar-pakar berkenaan akan dijemput memberi taklimat atau ditanya melalui surat atau telefon. Jawatankuasa akan bermesyuarat dan membuat keputusan berdasarkan syura. Sekiranya fatwa tersebut perlu diwartakan ia akan dibawa kepada pihak berkuasa negeri seperti Majlis Agama Islam, Penasihat Undang-undang, Exco atau Menteri Besar dan Tuanku Sultan atau Raja.

Fatwa tersebut akan diwartakan hanya setelah mendapat persetujuan pihak-pihak di atas. Terdapat kritikan terhadap proses

<sup>11</sup> Ahmad Hidayat Buang (2004), "Penyediaan dan Pengeluaran Fatwa" dalam ibidem, *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, hh.106-7.

<sup>12</sup> Perkara telah dikenalpasti sejak dari dahulu lagi. Lihat sebagai contoh Othman Ishak (1981), *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, h.187-8. Lihat juga Ahmad Hidayat Buang, op.cit, h.114

ini, atas dakwaan tidak telus kerana tidak dibincangkan di DUN sebagaimana undang-undang yang lain<sup>13</sup>.

## JUMLAH FATWA YANG DITERBITKAN

Agak sukar untuk menentukan berapakah jumlah fatwa yang telah dikeluarkan di negeri-negeri di Malaysia. Ini berlaku kerana faktor-faktor berikut:

1. Kesukaran dalam menentukan bilakah fatwa-fatwa dikeluarkan. Mengikut kajian fatwa telah dikeluarkan seawal tahun 1920-an di Kelantan.
2. Fatwa-fatwa ini tidak disimpan dan ada yang hilang atau rosak dan binasa seperti di Kelantan akibat banjir<sup>14</sup>.
3. Fatwa-fatwa ini tidak boleh ditunjukkan kerana rahsia. Pengkaji tidak boleh mengenalpasti bentuk-bentuk fatwa itu akibat larangan ini. Pihak Mufti terutamanya kerajaan khuatir fatwa-fatwa ini akan disalah gunakan jika didedahkan<sup>15</sup>. Oleh itu mesti terdapat perimbangan antara dua maslahat ini.

Kajian yang telah dilakukan setakat tahun 2000 berjaya mengumpulkan sebanyak 3,822 fatwa dari seluruh Malaysia di mana 3,110 fatwa dalam bidang Syariah, 474 dalam bidang Usuluddin dan 238 dalam bidang kemasyarakatan. Fatwa-fatwa ini dipecahkan kepada warta, minit dan soal jawab agama mendapati dalam bentuk warta Syariah sebanyak 18 fatwa, Usuluddin sebanyak 128 fatwa dan Kemasyarakatan sebanyak 4 fatwa<sup>16</sup>.

<sup>13</sup> Shah Saleem Faruqi, "Beauty Contests and Syariah Law in Selangor", [1997] 4 Current Law Journal, hh.i-xiv.

<sup>14</sup> Othman Ishak, *Op.cit*, h.50.

<sup>15</sup> Temu bual dengan Ketua Pengarah JAKIM, Y.Bhg. Brig. Jen. (B) Dato' abdul Hamid b. Hj. Zainal Abidin pada 25 Jun 1998 di Pusat Islam, Kuala Lumpur. Lihat Ahmad Hidayat Buang dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (2004), *Bentuk dan Statistik Fatwa*, dalam op.cit, h. 127.

<sup>16</sup> Ahmad Hidayat Buang dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, *Bentuk dan Statistik Fatwa* dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.) *Fatwa di Malaysia*, cetakan pertama, Kuala Lumpur: Mashi Publication, 2004, h. 128-129.

## JUMLAH FATWA MENGIKUT BIDANG DAN BENTUK

	<b>Warta</b>	<b>Minit</b>	<b>Soal</b>	<b>Jumlah</b>
Syariah	18	1120	1972	3110
Usuluddin	128	157	189	474
Kemasyarakatan	4	77	157	238
Jumlah	150	1354	2318	3822

*Sumber: Ahmad Hidayat Buang (2000)*

Sungguhpun bidang Usuluddin agak kecil berbanding Syariah, namun dari segi kepentingan, ia melebihi Syariah kerana hampir 85 peratus dikeluarkan dalam bentuk warta. Keadaan ini menunjukkan bahawa bidang Usuluddin menjadi aspek penting dalam polisi kerajaan terutama yang melibatkan persoalan akidah umat Islam. Polisi kerajaan ini telah secara *de facto* menjadikan mazhab ahl Sunnah wa Jama'ah dan Syafi'i sebagai mazhab rasmi negara<sup>17</sup>. Namun begitu dari segi peraturan, masyarakat Islam masih boleh memilih pandangan dari mazhab yang lain bagi tujuan persendirian. Sebagai contoh Fatwa Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa "umat Islam tidak dipaksa beramal dengan mazhab Syafi'i bahkan boleh beramal dengan mana-mana mazhab yang lain yang disukai dengan syarat mereka tidak boleh menyalahkan orang-orang yang beramal dengan mazhab Syafi'i"<sup>18</sup>.

### FATWA BIDANG USULUDDIN

Jika dihalusi topik-topik fatwa dalam bidang Usuluddin maka didapati fatwa yang banyak dikeluarkan menyentuh ajaran atau ilmu salah sebanyak 156 fatwa, larangan terhadap risalah atau kitab sebanyak 94 fatwa, yang berkaitan dengan ilmu kalam sebanyak 51 fatwa dan larangan terhadap ajaran tarikat/tassawuf yang menyeleweng sebanyak 41 fatwa. Dari segi fatwa warta larangan terhadap risalah atau kitab

<sup>17</sup> Ahmad Hidayat Buang dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, *Bentuk dan Statistik Fatwa* dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.) *Fatwa di Malaysia*, cetakan pertama, Kuala Lumpur: Mashi Publication, 2004, h. 129.

<sup>18</sup> Koleksi Fatwa Wilayah Persekutuan (1975-1986), Minit No.55. Lihat juga Ahmad Hidayat Buang, "Analisis Fatwa-fatwa Syariah di Malaysia", dalam ibidem, *op.cit*, h.167.

adalah sebanyak 60 fatwa berbanding ajaran atau ilmu salah sebanyak 58 fatwa.

### FATWA-FATWA USULUDDIN

Sub-bidang	Warta	Minit	Soal	Jumlah
Ajaran/Ilmu Salah	58	85	13	156
Asas-asas Iman	-	4	20	24
Asas-asas Islam	-	1	10	11
Ilmu Kalam	4	13	34	51
Kenabian/kerasulan	-	-	19	19
Khurafat/Bid'ah	2	11	20	33
Risalah/Kitab	60*	22	12	94
Sam'iyyat	-	4	21	25
Syirik	-	2	1	3
Tafsir	-	-	3	3
Tarikat/Tasawwuf	4	14	23	41
Tokoh-tokoh Islam	-	1	9	10
Lain-lain	-	-	4	4
<b>Jumlah</b>	<b>128</b>	<b>157</b>	<b>189</b>	<b>474</b>

Sumber: Ahmad Hidayat Buang (2000)

### FATWA AJARAN SALAH

Dalam pecahan sub-bidang ajaran/ilmu salah terdapat 156 tajuk fatwa dikeluarkan. Di antara tajuk-tajuk yang paling banyak dikeluarkan fatwa ialah larangan Ajaran al-Arqam (15 fatwa atau 9.6 peratus), Agama Taslim (5 fatwa) dan Nasrul Haq (5 fatwa). Dari segi bentuk fatwa pula kebanyakannya adalah dalam bentuk warta tertumpu kepada ajaran al-Arqam sebanyak 7 fatwa atau 12.1 peratus dari jumlah keseluruhan fatwa yang diwartakan dalam sub-bidang ajaran/ilmu salah. Sungguhpun agama Taslim mempunyai bilangan fatwa yang agak banyak tetapi tertumpu hanya kepada soal jawab agama sahaja. Manakala fatwa anti hadis tidak dimasukkan di bawah kategori ajaran

salah tetapi dimasukkan di bawah kategori larangan penerbitan risalah dan kitab iaitu larangan kepada penerbitan buku *Hadith Satu Penilaian Semula*.

### FATWA-FATWA AJARAN SALAH

<b>Sub-bidang</b>	<b>Warta</b>	<b>Minit</b>	<b>Soal</b>	<b>Jumlah</b>
Al-Arqam	7	8	-	15
Agama Taslim	-	-	5	5
Nasrul Haq	1	4	-	5
Ajaran mohd Nor-din Putih	2	2	-	4
Budi Suci	1	3	-	4
Lain-lain	47	68	8	123
<b>Jumlah</b>	<b>58</b>	<b>85</b>	<b>13</b>	<b>156</b>

Sumber: Ahmad Hidayat Buang (2000)

### KESAN FATWA TERHADAP AJARAN SESAT

Kesan dari segi perundungan ialah ajaran-ajaran ini telah dilarang amalannya dan mana-mana pihak yang melanggar fatwa boleh dihukum – Seksyen 12 Akta 559<sup>19</sup>. Fatwa ini adalah tambahan kepada peruntukan undang-undang jenayah Syariah yang memperuntukan larangan mengenai perkara akidah. Manakala kesan kepada kegiatan dan aktiviti ajaran sesat tersebut agak sukar untuk ditentukan dan memerlukan kajian yang teliti. Namun kesan dari segi zahirnya ialah pembubaran kegiatan kumpulan tersebut seperti kumpulan Darul Arqam dan Anti Hadis. Ketua Pengarah JAKIM pada 7 Oktober 2000 memaklumkan dari 125 ajaran sesat yang dikenalpasti, 71 berjaya dibanteras, 36 masih dalam kajian dan 18 didapati aktif<sup>20</sup>. Sebagai pengkaji, adalah amat menarik untuk diketahui apakah kaedah yang digunakan untuk mengukur sesuatu ajaran sesat itu telah berjaya dibanteras. Ini adalah kerana perkara kepercayaan adalah berkait rapat dengan pemikiran yang tidak dapat diketahui melainkan melalui

<sup>19</sup> Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1957, (Akta 559)

<sup>20</sup> Jakim Kesan 125 Ajaran Sesat, Utusan Malaysia, 12 Julai 2004, hlm. 10.

pemantauan yang berterusan terhadap individu bekas pesalah ajaran sesat tersebut.

Manakala di Jabatan Mufti kebanyakannya tugas banyak tertumpu kepada penerbitan fatwa yang bersifat bukan akidah. Kebanyakannya kakitangan adalah lulusan Syariah. Hanya di Pulau Pinang sahaja Jabatan Mufti mempunyai satu unit khusus mengenai penyelidikan akidah (maklumat setakat tahun 2000)<sup>21</sup>. Diharapkan semua Jabatan Mufti di negeri-negeri lain mempunyai unit yang sama dan melantik lebih ramai kakitangan lulusan Usuluddin. Kajian pada tahun 2000 menunjukkan kesemua Mufti dan Timbalan Mufti mempunyai kelulusan asas Sarjana Muda Syariah dan seorang dalam bidang bahasa Arab. Manakala bagi pegawai Mufti pula dari 14 orang hanya tiga orang sahaja yang mempunyai kelulusan Usuluddin<sup>22</sup>.

## LANGKAH-LANGKAH MEMBANTERAS AJARAN SESAT

Langkah-langkah sedia ada yang telah diambil oleh pihak berkuasa agama di negeri bagi membanteras ajaran sesat adalah seperti berikut;

1. Pewartaan fatwa-fatwa melarang dan mengharam kegiatan kumpulan ajaran sesat sebagaimana yang ditunjukkan di atas.
2. Pendakwaan di bawah peruntukan undang-undang jenayah Syariah yang menghukum pesalah ajaran sesat (Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1957, Akta 559):
  - Penyembahan yang bercanggah dengan ajaran Islam didenda sebanyak RM3,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya<sup>23</sup>
  - Mengajar doktrin atau upacara bercanggah dengan Islam atau fatwa didenda sebanyak RM5,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya sekali<sup>24</sup>
  - Menyebarluaskan doktrin dan kepercayaan agama lain di kalangan orang Islam didenda RM3,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya<sup>25</sup>

<sup>21</sup> Lihat Mohamed Azam Mohamed Adil, “Organisasi dan Pentadbiran Jabatan Mufti”, dalam *Ibidem*, *op.cit*, h.45.

<sup>22</sup> Lihat Raihanah Abdullah, “Personel Jabatan Mufti”, dalam *ibid*, hlm.77-80

<sup>23</sup> Seksyen 3 Pemujaan Salah, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1957, (Akta 559).

<sup>24</sup> Seksyen 4 Doktrin Palsu, *ibid*.

<sup>25</sup> Seksyen 5 Mengembangkan Doktrin Agama dan sebagainya, *ibid*.

- Membuat dakwaan bahawa dia atau orang lain sebagai Nabi, Imam Mahdi atau wali atau mendakwa mengetahui perkara-perkara ghaib didenda RM5,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya<sup>26</sup>
- 3. Pemantauan oleh pihak keselamatan seperti penguatkuasa dan pendakwa termasuk polis. Pada 14 Julai 2000 Kabinet telah mengarahkan pihak polis dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAI) menyiasat kes-kes ajaran sesat terutama selepas pembongkaran kegiatan kumpulan al-Maunah.<sup>27</sup>
- 4. Menempatkan kakitangan di tempat ajaran sesat, memasang papan tanda larangan dan membina pagar seperti di Pulau Besar Melaka.<sup>28</sup>
- 5. Penyelidikan oleh JAI seperti penyelidikan oleh Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Perak terhadap wirid Pertubuhan Persaudaraan Ilmu Dalam al-Maunah pada 12 September 2000.<sup>29</sup> Hasil kajian ini diserahkan kepada Jabatan Mufti untuk tindakan fatwa. Sekiranya Jabatan Mufti membuat kajian ini bersama dengan JAI.
- 6. Mengadakan garis panduan mengenai ajaran sesat supaya mudah untuk dikesan. Pihak JAKIM sudah mengeluarkan garis panduan ini.<sup>30</sup> Tidak dipastikan sama ada garis panduan ini digunakan di semua negeri.
- 7. Program pemulihan akidah pesalah ajaran sesat dengan dihantar ke Pusat Pemulihan Akidah (PPA) melalui perintah mahkamah atau secara sukarela. Pada 2 Mei 2002 YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri memaklumkan beratus pengikut dari 125 kumpulan ajaran sesat dihantar ke Pusat Pemulihan Akidah di Jelebu untuk “dikaunseling”.<sup>31</sup> Namun mengikut temu bual dengan Penolong Pengarah PPA Jelebu, sejak beroperasi pusat tersebut pada 1999

<sup>26</sup> Seksyen 6 Dakwaan Palsu, ibid.

<sup>27</sup> Police to Monitor Religious Groups and JAKIM, RoS to Scrutinise Applications, *Utusan Malaysia*, 14 Julai 2000, hlm. 4.

<sup>28</sup> “JAIM Kawal Amalan Puja Makam”, *Utusan Malaysia*, 16 Mei 2000, hlm. 24.

<sup>29</sup> “Mohtar: Al-Ma’unah Cuba Guling Kerajaan”, *Utusan Malaysia*, 12 September 2000, hlm. 5.

<sup>30</sup> Mustafa Hj Daud, Ajaran Sesat di Malaysia: Fenomena, Kesan, Faktor dan Penyelesaian. *Prosiding Kertas Kerja Gejala Sosial*, Universiti Utara Malaysia, 1995, hh.397-416.

<sup>31</sup> Jakim Kesan 125 Ajaran Sesat, *Utusan Malaysia*, 02 Mei 2002.

belum lagi diwartakan sebagai tempat tahanan. Kursus-kursus kaunseling yang diadakan adalah secara sukarela bukan melalui perintah tahanan.

8. Penggunaan undang-undang persekutuan seperti Akta Polis, Kanun Kesiksaan dan ISA untuk membanteras ajaran sesat<sup>32</sup> – seperti yang digunakan kepada KMM, kumpulan Shah dan al-Arqam.<sup>33</sup>

### CABARAN PEMBANTERASAN AJARAN SESAT

Sungguhpun langkah-langkah tegas telah diambil oleh pihak berwajib, namun masalah ajaran sesat masih belum dapat dibanteras dengan sempurna. Masalah atau cabaran yang timbul daripada usaha-usaha ini adalah seperti berikut:

1. Keberkesanan dalam pendakwaan kesalahan ajaran sesat. Setakat ini belum diketahui kes-kes yang berjaya disabitkan atas kesalahan ajaran sesat kecuali di Pulau Pinang. Masalah yang ditimbulkan adalah kesukaran mendapatkan bukti dan saksi. Setakat yang diketahui terdapat tiga kes berkaitan dengan ajaran sesat iaitu:
  - Kes *Abdul Rahim v. Kadi Besar Kedah* [1983] 2 MLJ 370 dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi atas alasan Mahkamah Kadi hanya mempunyai bidang kuasa terhadap orang Islam.
  - Kes Nordin Puteh pada tahun 1996 di Gombak Selangor dibebaskan kerana kesalahan teknikal kerana jawatan kadi seperti yang disebut dalam kertas pertuduhan sudah dimansuhkan oleh Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor tahun 1989. Oleh demikian Hakim memutuskan kertas pertuduhan tidak jelas.
  - Kes Rodziah Ismail di Kedah pada tahun 2001 disabitkan kerana melanggar warta kerajaan yang melarangnya menjalankan kegiatan bomohnya. Didakwa di bawah seksyen 32(2) Enakmen Jenayah Syariah Kedah 1988 kerana tidak mengikut perintah larangan tersebut.<sup>34</sup>

<sup>32</sup> Federal Law to be Applied in Monitoring Suspected Deviationist, *New Straits Times*, 26 Julai 2000, hlm. 5.

<sup>33</sup> Kerajaan Diminta Siasat Kemunculan Ajaran Sesat, *Utusan Malaysia*, 25 April 2002.

<sup>34</sup> "Bomoh Detained for Violating Order", *New Straits Times*, 02 November 2000, hlm. 16.

- Kes Abdul Kahar Ahmad atau lebih dikenali sebagai kes Rasul Melayu yang dihukum oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam dengan penjara 10 tahun, enam sebatan dan denda sebanyak RM16,500 pada 20 Oktober 2009.<sup>35</sup> Hukuman yang keras ini dikenakan kerana pesalah selama ini sudah beberapa kali dikeluarkan waran tangkap oleh pihak Mahkamah kerana gagal hadir di dalam perbicaraan. Pesalah berjaya diberkas oleh pasukan penguasa Jabatan Agama Islam Selangor pada bulan September 2009. Di dalam kes ini pesalah telah didakwa di bawah seksyen 7, 8(a), 10(b) 12 dan 13 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1985.<sup>36</sup>

Statistik di Mahkamah Syariah dari tahun 1997 sehingga 2001 menunjukkan tiada kes pernah disabitkan di bawah kesalahan akidah melainkan di Pulau Pinang yang mencatatkan sebanyak 347 pendakwaan dan satu kes di Selangor seperti di atas. Tidak dapat dipastikan dalam bentuk mana sabitan kesalahan ini dan memerlukan kajian lanjut. Namun begitu, ini mungkin akibat daripada usaha pro aktif Jabatan Mufti Pulau Pinang yang menubuhkan unit penyelidikan akidah.

2. Kesukaran untuk menembusi kumpulan ajaran sesat kerana mlarang orang luar memasuki kumpulan mereka. Ataupun kegiatan diadakan di tempat-tempat sulit pada waktu malam yang susah untuk dikesan.
3. Prasarana, kuasa, kakitangan yang tidak mencukupi, terlatih dan berpengalaman serta berpengetahuan dalam menanggani ajaran sesat.
4. Pengembangan ajaran sesat bukan sahaja di kalangan orang kampung yang tidak berpendidikan tetapi juga di bandar-bandar di kalangan profesional dalam bentuk baru seperti orientalism, ultra modernism, anti hadith, anti moral, budaya kuning (*black metal*) dan sebagainya.
5. Penubuhan Pusat Pemulihan Akidah. Setakat ini hanya Pusat Pemurniaan Akidah Jabatan Agama Islam Selangor (PPA JAIS) di

<sup>35</sup> The Star, 21 Oktober 2009.

<sup>36</sup> "Rasul Melayu: Pendakwa Mohon Bicara Tanpa Kehadiran Tertuduh", *Utusan Malaysia*, 01 Januari 2009, hlm.29.

Hulu Yam Selangor yang diwartakan di bawah Enakmen Selangor sebagai tempat tahanan. PPA JAIS sejak ditubuhkan pada tahun 2000 tidak mempunyai tahanan ajaran sesat. Jumlah pelatih yang ada sejak penubuhan ialah seramai 27 orang sahaja seperti berikut: lima orang cubaan murtad, seorang penyelewangan akidah (secara sukarela), lima orang gejala sosial, lima kes perlindungan dan bakinya kes-kes khalwat, hamil luar nikah dan lari dari rumah yang membabitkan pasangan dan keluarga bukan Islam. Sungguhpun cara kemasukan pelatih ke PPA JAIS boleh dilakukan melalui perintah mahkamah, perkara ini amat jarang sekali berlaku. Dalam kebanyakan kes kemasukan pelatih adalah melalui permintaan sukarela pelatih berkenaan dan juga permohonan untuk mendapat perlindungan. Kebanyakan pelatih berjaya dipulihkan (80 peratus) dan kegiatan mereka dipantau selepas latihan melalui keluarga. Kebanyakan pelatih menjalankan latihan selama 6 bulan di PPA JAIS.<sup>37</sup>

Manakala Pusat Pemulihan Akidah Jelebu JAKIM ditubuhkan pada tahun 1999 dan tidak mempunyai sebarang pelatih melalui perintah mahkamah kerana belum diwartakan sebagai pusat tahanan. Kebanyakan pelatih datang secara sukarela seperti pengikut ajaran Ayah Pin Terengganu berlatih selama seminggu pada tahun 2001.<sup>38</sup> Draf undang-undang sebagai pusat tahanan sudah dihantar kepada pejabat Peguam Negara supaya PPA Jelebu diwartakan dan berfungsi sebagaimana sepatutnya. Draf undang-undang ini dikatakan hampir sama bentuknya dengan Akta Tahanan Pusat Serenti. Namun begitu pada pandangan saya tidak perlu kepada Akta atau undang-undang baru. Undang-undang dan Enakmen Negeri yang sedia ada boleh digunakan untuk mewartakan PPA Jelebu sebagai pusat tahanan penyelewengan akidah.

<sup>37</sup> Temu bual dengan Mohd Hilmi Saedon, Penolong Pengarah Pusat Pemurniaan Akidah JAIS, Hulu Yam Selangor, pada 6 Ogos 2003 melalui telefon.

<sup>38</sup> Temu bual dengan Che Alias Che Ismail, Pengusaha Pusat Pemulihan Akidah Jelebu, Negeri Sembilan, pada 6 Ogos 2003 melalui telefon.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa ajaran sesat merupakan satu aspek fatwa rasmi yang amat penting di Malaysia, sungguhpun fatwa lazimnya dikaitkan dengan perundangan Islam atau fiqh. Fatwa merupakan satu mekanisme yang paling sesuai untuk membendung ajaran sesat kerana ia dapat dikeluarkan tanpa melibatkan proses perundangan yang panjang seperti undang-undang dan fleksibel dari segi penguatkuasaan larangan ajaran berkenaan. Namun begitu aspek penguatkuasaan dan pendakwaan terhadap mereka yang melanggar fatwa berkenaan merupakan satu cabaran besar kerana kesukaran untuk membuktikan kes-kes berkenaan di Mahkamah. Berasaskan kepada cabaran ini beberapa cadangan boleh dikemukakan dan diambil tindakan secara jangka pendek dan panjang seperti berikut:

1. Mempertingkatkan kualiti dan kuantiti pemantauan, penyiasatan kes-kes ajaran sesat termasuk penggunaan alat-alat canggih seperti perakam suara dan gambar mikro, *closed circuit surveillance camera* dan sebagainya untuk mengumpul bukti.
2. Meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai bahaya ajaran sesat melalui program ceramah, kuliah pameran sebagainya di sekolah-sekolah, masjid, surau dan lain-lain tempat awam. Tajuk amalan ajaran sesat boleh dimasukkan dalam kurikulum pengajian di peringkat sekolah dan universiti bagi menimbulkan kesedaran terhadap bahaya ajaran sesat. Agak mengejutkan di universiti tidak terdapat kursus khas mengenai ajaran sesat.
3. Membuat undang-undang atau peraturan melarang kegiatan pengajaran agama secara tertutup. Semua kegiatan agama mesti dibuat secara terbuka dan sesiapa sahaja boleh menyertai kegiatan pengajaran tersebut.<sup>39</sup> Ini adalah kerana kebanyakan kegiatan ajaran sesat bergerak secara sulit. Peraturan ini memudahkan masyarakat dan pihak berkuasa mengenali dan memantau kegiatan ajaran sesat.
4. Memberi insentif atau ganjaran kewangan bagi mereka yang memberi maklumat sehingga tertangkap atau terbongkarnya

<sup>39</sup> Mustafa Hj. Daud, *loc. cit*

sesuatu ajaran sesat sebagaimana yang diamalkan pada kesalahan jenayah yang lain.

5. Untuk keberkesanan pemulihan hendaklah diwujudkan pusat pemulihan akidah di bawah satu agensi pusat sahaja. Ini akan menjimatkan kos di samping boleh menyelaras skim latihan dan pemulihan yang sama.
6. Kegiatan di antara jabatan agama, jabatan mufti, polis dan lain-lain yang berkaitan hendaklah diselaraskan dan terdapat perkongsian maklumat.
7. Mengadakan sistem pemantauan bagi mengesan kegiatan dan perkembangan pengikut ajaran sesat terutama bagi yang telah tamat program pemulihan.
8. Mengadakan kursus-kursus mengenai ajaran sesat kepada agen-agen masyarakat seperti imam, penghulu, ketua kampung dan wakil-wakil masyarakat supaya kejadian penyelewengan akidah dapat dilapurkan segera.
9. Undang-undang Keselamatan seperti ISA digunakan jika benar-benar perlu sahaja seperti melibatkan soal-soal keselamatan<sup>40</sup> di mana perlu ada perimbangan di antara hak individu dan hak masyarakat.

Cadangan-cadangan di atas cabaran atau kesukaran yang dihadapi oleh pihak penguatkuasa dan pendakwa di Jabatan Agama Islam negeri dapat dikurangkan dan gejala ajaran sesat di dalam masyarakat Islam Malaysia dapat dibendung daripada merebak.

## RUJUKAN

Abdul Fatah Haron Ibrahim. *Pengaruh Kebatinan Dalam Masyarakat Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Yayasan Islam Terengganu, 1999.

Abdul Fatah Haron Ibrahim. *Peranan Tuan Guru Dato' Syed Alwi Tahir al-Haddad Dalam Menentang Ajaran Sesat*. Majlis Memperingati Tokoh Ulama Silam Yang Ke IX 198/84, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Kerajaan Negeri Johor, 1984.

---

<sup>40</sup> Guna ISA ke Atas Gerakan Anti Hadis, *Utusan Malaysia*, 12 April 2002.

- Abdulfatah Haron Ibrahim. *Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994. Edisi ke-3 (pertama diterbitkan pada tahun 1985 dengan tajuk *Gerakan Sulit Wujudiah-Batiniah di Malaysia*).
- Abdulfatah Haron Ibrahim. *Sanggahan Ke Atas Kitab Kasyf al-Asrar*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2000.
- Abdullah Hj Abd Wahab. *Tentangan dan Cabaran Kepada Islam di Sepanjang Zaman*, Ampang: Penerbit AWAS, 1985.
- Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM, 2003.
- Ahmad Hidayat Buang dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, *Bentuk dan Statistik Fatwa* dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.) *Fatwa di Malaysia*, cetakan pertama, Kuala Lumpur: Mashi Publication, 2004.
- Ahmad Mohamad Ibrahim, *Acara Mufti Membuat Fatwa* dalam Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid (ed.), *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean*, Cetakan Pertama 1998, Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu, 1998.
- al-Badakhshi. *Manahij al-'Uqul Sharh Minhaj al-Wusul fi 'Ilm al-Usul li al-Qadi al-Baydawi*, 3 Juzuk, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1984.
- Ali Hasballah (1964). *Usul al-Tashri‘ al-Islami*, cetakan ketiga, Mesir: Dar al-Ma‘arif, 1959.
- al-Majlis al-A’la li al-Shu’un al-Islamiyyah, *Mawsu’at al-Fiqh al-Islami*, Wizarah al-Awqaf, 1986.
- Jabatan Agama Islam Selangor, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan. *Ajaran, Amalan dan Fahaman Yang Telah Difatwakan Menyeleweng dan Sesat Dalam Negeri Selangor Sepanjang 1998*, t.t.
- Jabatan Agama Islam Selangor, Bahagian Penyelidikan. *Ajaran dan Amalan Yang Telah Difatwakan Menyeleweng dan Sesat Dalam Negeri Selangor (1985-1995)*, t.t.
- Jabatan Mufti Pulau Pinang, *Jurnal Isu-isu Semasa Black Metal*, 2001.

Fatwa Ajaran Sesat

Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Islam. *Kriteria-kriteria Ajaran Sesat*, Kuala Lumpur, 1994.

Jamaluddin al-Qasimi, *Kitab al-Fatwa fi al-Islam*, Beirut, tanpa tarikh. (cetakan asal Damsyik 1911)

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. Analisis Fatwa-fatwa Usuluddin: Tumpuan Kepada Ajaran Salah. Dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM, 2003.

Mahmud Saedon A Othman. *Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: DBP, 1996.

Mohd Daud Bakar. Instrumen Fatwa Dalam Perkembangan Perundangan Islam. *Jurnal Syariah*, Jilid 5, Bilangan 1, Januari 1997.

Mohd Nor Mamat. *Pemikiran Islam dan Dunia Hari Ini*, Kuala Lumpur: Univision Press, 1999.

Muhammad Abu Zahrah. *Usul al-Fiqh*, Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi, 1997 (ulang cetak dari 1958).

Mustafa Hj Daud, Ajaran Sesat di Malaysia: Fenomena, Kesan, Faktor dan Penyelesaian. *Prosiding Kertas Kerja Gejala Sosial*, Universiti Utara Malaysia, 1995.

Othman Ishak. *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1981.

Rasjidi, H.M. *Islam dan Kebatinan*, Jakarta: Bulan Bintang, 1974 (pertama diterbitkan pada 1971).

Shah Saleem Faruqi, “Beauty Contests and Syariah Law in Selangor”, [1997] 4 *Current Law Journal*, hh.i-xiv.

Wahbah Zuhayli. *Usul al-Fiqh al-Islami*, 2 Juzuk, Damsyik: Dar al-Fikr, 1996.

Wan Mohd Azam. *Ajaran Sesat*, Kuala Lumpur: IIUM, 2001.

Yusuf Zaki Yaacob. *Pembungkaran Rahsia Subud*, Kota Bharu: Pustaka Dian Press, 1380H.

Zakaria Stapa dan Mohamed Asin Dollah, *Mengenal Ajaran Sesat di Malaysia* dalam (eds.), *Islam Akidah dan Kerohanian*, (edisi kedua), Bangi: Penerbit UKM, 1998, (pertama kali diterbitkan pada 1996).

### **Undang-undang Bertulis/Statut**

Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1957, (Akta 559)

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505)

Seksyen 3 Pemujaan Salah, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1957, (Akta 559).

Seksyen 4 Doktrin Palsu. Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1957, (Akta 559).

Seksyen 5 Mengembangkan Doktrin Agama dan sebagainya, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1957, (Akta 559).

Seksyen 6 Dakwaan Palsu. Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1957, (Akta 559).

### **Akhbar**

Federal Law to be Applied in Monitoring Suspected Deviationist, *New Straits Times*, 26 Julai 2000.

Guna ISA ke Atas Gerakan Anti Hadis, *Utusan Malaysia*, 12 April 2002.

JAIM Kawal Amalan Puja Makam, *Utusan Malaysia*, 16 Mei 2000.

Jakim Kesan 125 Ajaran Sesat, *Utusan Malaysia*, 02 Mei 2002.

Jakim Kesan 125 Ajaran Sesat, *Utusan Malaysia*, 12 Julai 2004.

Kerajaan Diminta Siasat Kemunculan Ajaran Sesat, *Utusan Malaysia*, 25 April 2002.

Mohtar: Al-Ma'unah Cuba Guling Kerajaan, *Utusan Malaysia*, 12 September 2000.

Police to Monitor Religious Groups and JAKIM, RoS to Scrutinise Applications, *Utusan Malaysia*, 14 Julai 2000.



## Fatwa Ajaran Sesat

Bomoh Detained for Violating Order, *New Straits Times*, 02 November 2000.

Rasul Melayu Gets 10 Years Jail, *The Star*, 21 October 2009.

### **Temu bual**

Che Alias Che Ismail, Penguasa Pusat Pemulihan Akidah Jelebu, Negeri Sembilan, pada 6 Ogos 2003 melalui telefon.

Mohd Hilmi Saadan, Penolong Pengarah Pusat Pemurniaan Akidah JAIS, Hulu Yam Selangor, pada 6 Ogos 2003 melalui telefon.

Y.Bhg. Brig. Jen. (B) Dato' Abdul Hamid b. Hj. Zainal Abidin Ketua Pengarah JAKIM, pada 25 Jun 1998 di Pusat Islam, Kuala Lumpur.

